

Semua saluran dakwah perlu dimanfaatkan

SAYA ingin memberi respon kepada artikel agama bertajuk 'Personaliti: Jamilah lepas kerjaya demi dakwah'. Pertama sekali saya ucapkan syabas dan tahniah atas penubuhan Muslim Professionals Forum Berhad (MPF).

Sebenarnya, pertubuhan seperti ini sudah lama diwujudkan di negara ini memandangkan Malaysia termasuk dalam negara Komanwel dengan bahasa Inggeris meluas penggunaannya.

Berdasarkan pengalaman saya mengajar bahasa Arab dan pengajian Islam selama 12 tahun di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dari 1982-1995, peluang berdakwah dalam bahasa Inggeris memang sangat luas dan belum lagi diteroka secara meluas dan profesional.

Dalam ruang ini saya ingin berkongsi beberapa idea demi merencanakan dan menjayakan dakwah dalam bahasa Inggeris di negara kita ini. Saya cadangkan pihak MPF mengadakan kerjasama dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam di luar negara yang sangat aktif dalam dakwah dengan menggunakan bahasa Inggeris terutama saudara baru.

Berikut ini saya senaraikan beberapa laman web yang sesuai iaitu www.jihadunspun.org; www.ibn.net; www.meccacentric.org; www.islamtomorrow.com; www.darul-arqam.org.sg; www.nawawi.org; www.islamicpluralism.com; www.granadamosque.org; www.uga.edu/sufism/islam; www.islamiCity.com dan www.idristawfiq.org.

Kalau perlu kita jemput mereka menyampaikan ceramah di Dataran Merdeka seperti yang pernah dilakukan oleh Syeikh Amhad Deedat (almarhum) atau di Bukit Jalil kalau kita serius dalam berdakwah.

Kebetulan saya merangkap ketua program dakwah dan pengurusan Islam di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim). Kita sedang menjalankan satu program yang dinamakan *My Journey to Islam* yang disampaikan oleh pendakwah saudara baru dalam bahasa Inggeris.

Saya bersetuju bahawa potensi dakwah dalam bahasa Inggeris adalah luar biasa, tinggal lagi memerlukan daya kreativiti pendakwah.

Sebagai contoh, menerusi karya penulis mucla dari Australia Randa Abdel Fatah yang bertajuk *Does My Head look Big In This?* yang turut dijual di MPH.

Randa berkata, meskipun beliau tidak menjangka bukunya itu akan mendapat sambutan sebegitu hebat, ia membuktikan isu berkaitan Islam adalah topik panas.

Sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah semoga diberkati Allah SWT.

M Y KHALID,

*Universiti Sains Islam Malaysia
(Usim) Nikai, Negeri Sembilan.*